

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 OKTOBER 2023
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 5

Semak perbelanjaan import makanan RM40 billion

Semak perbelanjaan import makanan RM40 bilion

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB
utusannews@mediamulia.com.my

SABAK BERNAM: Kementerian Ekonomi akan menggunakan data dan statistik pertanian negara dalam merancang dasar dan polisi berhubung keutamaan bekalan makanan di negara ini.

Ini selepas perbelanjaan import negara bagi makanan mencapai sehingga RM40 bilion meskipun negara mempunyai tanah yang subur bagi pertanian.

Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi, Datuk Nor Azmie Diron berkata, pengumpulan data berkaitan pertanian ini penting dalam memberikan maklumat dan gambaran terbaik berkenaan keadaan terkini bidang pertanian di Malaysia.

Justeru katanya, semua pihak di peringkat negeri diharap memberikan kerjasama penuh kepada Jabatan Perangkaan yang akan melaksanakan bancian pertanian pada tahun depan.

"Kita akan memfokuskan semua bidang pertanian dan tidak akan meninggalkan mana-mana negeri dalam soal bantuan ini."

"(Responden) kita akan usahakan sebanyak mungkin bagi membolehkan data kita kumpul itu adalah berasaskan atau bertepatan



NOR Azmie Diron melihat buah-buahan tempatan yang dipamerkan sempena pengajuran Hari Statistik Negara (HSN) 2023 dekat Stadium Sungai Besar di Sabak Bernam, Selangor. - UTUSAN / AFIQ RAZALI

dengan keadaan pertanian di negara kita.

"RM40 billion belanja untuk import makanan. Sabak Bernam contohnya tanahnya subur, kenapa perlu import," katanya ketika ditemui pemberita di sini semalam.

Terdahulu, beliau merasmikan sambutan 'Yuk Mampir' Hari Statistik Negara (HSN) 2023 yang turut dihadiri Ketua Perangkaan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin di Stadium Sungai Besar di sini. Lebih 20,000 termasuk

pegawai bancian sambilan akan terlibat dalam proses pengumpulan data pertanian itu dan dapatkan awal hasil bancian itu akan diumumkan selewat-lewatnya akhir Mac 2025. Nor Azmie memberitahu, data

dan statistik sangat penting dan dianggap sebagai 'emas' baharu kepada negara.

"Sambutan HSN adalah satu manifestasi bahawa negara kita ini sangat menghargai data dan statistik dan perlu diuruskan dengan baik.

"Ini supaya 'emas' yang kita ada ini dapat digunakan sebaiknya untuk kepentingan negara secara keseluruhannya," jelasnya.

Sementara itu, Mohd. Uzir berkata, Jabatan Perangkaan (DOSM) telah menerbitkan 1,180 penerbitan melibatkan 954 penerbitan tahunan, bulanan (172) dan suku tahunan (54).

"Dalam usaha DOSM untuk merakyatkan statistik, pelbagai dashboard dengan visualisasi interaktif dan mesra pengguna telah dibangunkan seperti Dashboard Kawasan, Consumer Prices dan Labour Markets," ujarnya.

HSN yang berlangsung selama tiga hari menyediakan pelbagai program termasuk

pertandingan debat statistik antara Institusi Pendidikan Tinggi, kuiz statistik, larian D' Bendang dan permainan sukan rakyat di sawah serta pertandingan bola sepak bawah 10 tahun dan 12 tahun Piala Ketua Perangkaan Malaysia.